

NEWSPAPER CLIPPING  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 25/6/2010

## Dr. Mahathir mahu peperiksaan lain ganti UPSR, PMR

KANGAR 24 Jun – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebarang pemanusiaan terhadap peperiksaan utama negara perlu digantikan dengan ujian setaraf.

Menurutnya, apa juga pendekatan yang dilaksanakan oleh kerajaan berhubung perkara itu, perlu ada satu ujian yang dapat mengu-

kur kebolehan seseorang pelajar.

“Walau apa pun yang kita cari, kita terpaksa mengadakan satu jenis ujian. Kalau tidak, kita tidak dapat tahu kebolehan seseorang,” ujarnya pada majlis perjumpaan dengan rakyat Perlis di Dewan 2020 di sini hari ini.

Beliau mengulas cadangan memansuhkan Ujian Pencapaian Se-

kolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) yang diumumkan oleh kerajaan baru-baru ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu dan bekas Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Dr. Mahathir turut menjelaskan, sistem peperiksaan sekarang boleh digantikan dengan sistem peperiksaan lain.

“Yang salah bukan peperiksaan tetapi cara memeriksa, justeru kita boleh kaji sistem peperiksaan yang ada sekarang tetapi kalau kita tidak buat langsung ujian, itu tidak boleh,” tegas beliau.

Baru-baru ini Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran, Tan Sri Muhyiddin Yassin mencadangkan agar dimansuhkan peperiksaan berkenaan kerana sistem pembelajaran kini dilihat terlalu berorientasikan peperiksaan berbanding memberi pendidikan holistik kepada para pelajar.